



**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
KALI KE-35**

Tarikh : 26 Julai 2017 (Rabu)
Masa : 2.30 Petang
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra,
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 35.0	<p>Kata Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS, TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-35 ini;</p> <p>(b) mengalukan kehadiran ahli mesyuarat yang baharu dilantik/dilanjutkan lantikan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Prof. Madya Dr. Noor Azman Ali selaku Timbalan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti berkuatkuasa pada 13 Jun 2017 (lantikan baharu);(ii) Puan Hajah Izariahwati Mohd Isa selaku Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses (TWP PP) Pejabat Bursar berkuatkuasa pada 4 Mei 2017 (lantikan baharu);(iii) Encik Sudirman Asmadi selaku Timbalan Wakil Pengurusan Pusat Tanggungjawab (TWP PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPMKB) berkuatkuasa pada 15 Mei 2017 (lanjutan);(iv) Tuan Haji Abdul Ghaffar Othman selaku Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses (TWP PP); Taman Pertanian Universiti berkuatkuasa pada 22 Jun 2017 (lanjutan);	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p>Minit 35.1</p>	<p>(v) Puan Nur Hanisah Sadun selaku Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses (TWP PP) Pusat Jaminan Kualiti berkuatkuasa pada 11 Julai 2017 (lantikan baharu); dan</p> <p>(vi) Encik Ahmad Nizam Abdullah selaku Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses (TWP PP) Pusat Pembangunan Akademik berkuatkuasa pada 12 Julai 2017 (lanjutan).</p> <p>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-32, Minit Mesyuarat JKK Kali ke-33 (Khas) Secara Edaran dan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-34 (Khas) Secara Edaran</p> <p>(a) Minit Mesyuarat JKK Kali ke-32 yang telah diadakan pada 12 April 2017 disahkan dengan pindaan berikut, iaitu:</p> <p>(i) Penambahan nama Encik Mohd Sopian Mohd Zin, Timbalan Wakil Pengurusan Pusat Tanggungjawab (TWP PTJ) Fakulti Perhutanan dalam senarai nama ahli yang hadir.</p> <p>(b) Minit Mesyuarat JKK Kali ke-33 (Khas) secara edaran pada 22 Mei 2017 dan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-34 (Khas) secara edaran pada 14 Jun 2017 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>Minit 35.2</p>	<p>Perkara-perkara Berbangkit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-32 seperti mana pada Lampiran Agenda 3.0 yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <p>(a) <u>Minit 32.2 (c)</u> – mengambil maklum isu kelewatan pelajar menduduki viva akan dapat diatasi dengan pembangunan Sistem Tesis Secara Atas Talian yang dijangka siap pada September 2017 bagi memudahkan proses tesis dan viva voce.</p> <p>(b) <u>Minit 32.2 (d)</u> – mengambil maklum mulai tahun 2017, mana-mana syarikat yang memperolehi skor penilaian kurang 50%, secara berturut-turut untuk perolehan dan PTJ yang sama, Pejabat Bursar akan mengeluarkan surat peringatan beserta notis teguran untuk sekatan kepada syarikat yang terlibat.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) <u>Minit 32.2 (g)</u> - mengambil maklum pemantauan Objektif ISMS akan hanya dapat dilaksanakan selepas aktiviti kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 pada 6 September 2017.</p> <p>(d) <u>Minit 32.2 (i)</u> - mengambil maklum pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2017 akan dilaksanakan secara dua (2) kategori semasa sesi kemasukan pelajar baharu prasiswazah 2017/2018, iaitu:</p> <p>(i) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu); dan</p> <p>(ii) Soal selidik kepada PTJ yang menerima perkhidmatan Pusat Data di UPM oleh Peneraju Pusat Data.</p> <p>(e) <u>Minit 32.7 (b)</u> - mengambil maklum Bahagian Hal Ehwal Pelajar selaku Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) akan menyediakan soalan bagi soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS secara atas talian untuk kegunaan semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018.</p> <p>(f) <u>Minit 32.8 (b)</u> - mengambil maklum laporan pelaksanaan kawalan di Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat Tahun 2017 (semakan April 2017) telah dibawa, dibentangkan dan dipantau dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-4 (Khas) pada 3 Mei 2017.</p> <p>(g) <u>Minit 32.9 (c)</u> - mengambil maklum penilaian pematuhan Undang-undang EMS bagi fasa 1 dan 2 tahun 2017 telah dilaksanakan pada 1 Jun 2017.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP TNC (HEPA)</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>Minit 35.3</p>	<p>Laporan Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015</p> <p>35.3.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan pencapaian objektif kualiti MS ISO 9001:2015 adalah seperti pada Lampiran Agenda 4.1 yang dibentang. Menerusi keperluan klausa 6.2.1 dan 5.1 Standard MS</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>ISO 9001:2015, UPM telah mengenalpasti tiga (3) kategori objektif kualiti yang akan menterjemahkan pencapaian yang dihasratkan pada fungsi, peringkat dan proses yang relevan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti, iaitu:</p> <p>(i) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM (kali pertama dilapor dalam pencapaian objektif kualiti);</p> <p>(ii) Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras; dan</p> <p>(iii) Piagam Pelanggan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Proses Utama Universiti • Proses Sokongan dan Operasi Perkhidmatan Sokongan (kali pertama dilapor dalam pencapaian objektif kualiti); <p>(b) laporan pencapaian objektif kualiti UPM bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:</p> <p>(i) Sebanyak 34 KPI UPM dikekalkan untuk tahun 2017 dan laporan pencapaian KPI Q2 hanya akan dibentangkan dalam Bengkel Pencapaian KPI pada 27 Julai 2017;</p> <p>(ii) Sebanyak 50 proses (melibatkan 72 petunjuk prestasi yang mempunyai sasaran pencapaian). Bagi tempoh penilaian:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 51 petunjuk prestasi mencapai sasaran; • 9 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran; • 8 petunjuk prestasi tidak dapat diukur/tempoh pengukuran belum lengkap; dan • 4 petunjuk prestasi baharu ditambah dan akan diukur pada penghujung tahun 2017. 	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(iii) Sebanyak 19 daripada 21 Piagam Pelanggan Proses Utama mencapai sasaran dan dua (2) lagi masih belum boleh diukur. Manakala bagi Piagam Pelanggan Proses Sokongan dan Operasi Perkhidmatan Sokongan, 17 mencapai sasaran, tiga (3) tidak mencapai sasaran dan 10 masih belum boleh diukur.</p> <p>(c) meminta PTJ/Peneraju Proses melaksanakan kawalan ketakakuran/ tindakan pencegahan/ penambahbaikan terhadap Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras serta Piagam Pelanggan yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.</p> <p>(d) bersetuju mengesahkan penggunaan Piagam Pelanggan 2017 bagi skop Proses Utama, Sokongan dan Operasi Perkhidmatan Sokongan sepertimana yang telah dibentang.</p> <p>35.3.2 Status Pelaksanaan Peralihan ISO 9001</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan status pelaksanaan peralihan ISO 9001:2008 kepada ISO 9001:2015 sepertimana Lampiran Agenda 4.2 yang telah dibentang, yang merangkumi maklumat berikut:</p> <p>(i) <i>Timeline</i> pengekalan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK);</p> <p>(ii) Pemetaan SPK UPM;</p> <p>(iii) Pemakaian Dasar Kualiti baharu UPM tahun 2017;</p> <p>(iv) Skop dan objektif Kualiti SPK UPM;</p> <p>(v) Pengurusan dan pemantauan keseluruhan Kualiti UPM;</p> <p>(vi) Struktur Jaminan Kualiti UPM yang menyeluruh yang merangkumi semua entiti/PTJ di UPM; dan</p> <p>(vii) Perancangan tindakan dalam peralihan Standard ISO 9001 dari tahun 2016 hingga 2020.</p>	<p>TWP PP/ TWP PTJ yang berkenaan</p> <p>PKPU</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(b) meminta supaya semua entiti/PTJ mengambil tindakan berikut:</p> <p>(i) Memastikan tindakan proses peralihan ISO dilaksanakan secara menyeluruh di entiti/PTJ masing-masing; dan</p> <p>(ii) Mempamerkan Dasar Kualiti baharu tahun 2017 yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 20 Jun 2017 dan tidak mengguna/ merujuk/ mempamerkan Dasar Kualiti terdahulu.</p> <p>(c) mengambil perhatian berhubung perancangan pelaksanaan tindakan peralihan ISO bagi tahun 2018, iaitu:</p> <p>(i) Pemantapan dokumentasi;</p> <p>(ii) Pengenalpastian semua proses kerja (SOP)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah proses kerja bagi semua PTJ • <i>Risk Based Thinking</i> (RBT) dalam proses kerja; <p>(iii) Pemantapan pemahaman pelaksanaan ISO 9001 di PTJ;</p> <p>(iv) Pengurusan risiko ISO iaitu dengan melaksanakan penyelarasan menyeluruh bersama Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti;</p> <p>(v) Pemantapan Juruaudit yang merangkumi <i>Lead Assessor</i> QMS, Juruaudit Universiti dan Juruaudit PTJ;</p> <p>(vi) Pemantapan pelaksanaan Audit Dalam;</p> <p>(vii) Pemantauan pemantapan keberkesanan proses yang berlaku di UPM.</p> <p>35.3.3 Manual Kualiti UPM</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) Manual Kualiti UPM (UPM/PGR/MK) sebagaimana keperluan Standard MS ISO 9001:2015 telah diluluskan oleh Mesyuarat</p>	<p>Semua TWP PP/TWP PTJ</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-34 (Khas) secara edaran dan telah dikuatkuasakan pada 20 Jun 2017. Perincian mengenai laporan Manual Kualiti adalah seperti pada Lampiran Agenda 4.3 yang telah dibentang.</p> <p>(b) kandungan Manual Kualiti menerangkan SPK UPM dan kaedah/cara UPM:</p> <p>(i) Menunjukkan keupayaan secara konsisten menyediakan produk dan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan dan digunakan untuk keperluan berkanun dan peraturan tertentu secara konsisten; dan</p> <p>(ii) Mempertingkatkan kepuasan pelanggan melalui penggunaan SPK secara cekap/efektif, termasuk proses penambahbaikan berterusan dan jaminan keakuratan keperluan pelanggan dan peraturan/perintah am selaras dengan Dasar UPM.</p> <p>(c) bahawa UPM telah bersetuju untuk mengekalkan Manual Kualiti walau pun tiada keperluan pendokumentasian dalam ISO 9001:2015 kerana mendapati impak Manual Kualiti terhadap pelaksanaan dan pemantauan keberkesanan SPK di UPM.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>Minit 35.4</p>	<p>Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013</p> <p>35.4.1 Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi Tempoh Januari hingga Jun 2017</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 adalah sepertimana Lampiran Agenda 5.1 yang telah dibentang.</p> <p>(b) Objektif ISMS telah disemak dan dikemaskini pada tahun 2017 mengambilkira aktiviti</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																				
	<p>perluasan entiti bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah ISMS yang melibatkan pihak UPM Kampus Bintulu. Penetapan objektif ISMS yang baharu ini telah dimasukkan dalam Manual Kualiti Sistem Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) dan telah dibawa untuk kelulusan bersama menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-33 (Khas) secara edaran dan telah dikuatkuasa bermula 26 Mei 2017.</p> <p>(c) penetapan objektif ISMS tahun 2017 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="608 770 1257 2018"> <thead> <tr> <th data-bbox="608 770 683 869">Bil</th> <th data-bbox="683 770 914 869">Pernyataan Objektif</th> <th data-bbox="914 770 1066 869">Sasaran pencapaian-an</th> <th data-bbox="1066 770 1257 869">Peneraju</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="608 869 683 1133">1.</td> <td data-bbox="683 869 914 1133">Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah</td> <td data-bbox="914 869 1066 1133">100%</td> <td data-bbox="1066 869 1257 1133">Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1133 683 1397">2.</td> <td data-bbox="683 1133 914 1397">Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian</td> <td data-bbox="914 1133 1066 1397">80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)</td> <td data-bbox="1066 1133 1257 1397">Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1397 683 1662">3.</td> <td data-bbox="683 1397 914 1662">Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan</td> <td data-bbox="914 1397 1066 1662">≤ 8 jam</td> <td data-bbox="1066 1397 1257 1662">Pasukan Pusat Data</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1662 683 2018">4.</td> <td data-bbox="683 1662 914 2018">Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses</td> <td data-bbox="914 1662 1066 2018">95%</td> <td data-bbox="1066 1662 1257 2018">Pasukan Pusat Data</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Pernyataan Objektif	Sasaran pencapaian-an	Peneraju	1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses	95%	Pasukan Pusat Data	<p>Makluman</p>
Bil	Pernyataan Objektif	Sasaran pencapaian-an	Peneraju																			
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)																			
2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)																			
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data																			
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses	95%	Pasukan Pusat Data																			

MINIT	AGENDA				TINDAKAN	
		4.	pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester			<p data-bbox="1294 477 1458 510">Makluman</p> <p data-bbox="1294 685 1458 790">TWP ISMS/ Peneraju ISMS</p> <p data-bbox="1294 891 1458 958">CQA/TWP ISMS</p> <p data-bbox="395 1137 1251 1205">35.4.2 Laporan Penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2017</p> <p data-bbox="528 1227 683 1261">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="1294 1283 1458 1317">Makluman</p> <p data-bbox="1283 1570 1469 1709">TWP PP/TWP PTJ yang berkenaan</p>
			<p data-bbox="528 477 1251 622">(d) pencapaian objektif ISMS tahun 2017 hanya dapat diukur semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2017/2018 pada bulan September 2017.</p> <p data-bbox="528 685 1251 831">(e) meminta semua peneraju ISMS mengukur dan memantau objektif ISMS diukur dan dipantau secara berkala iaitu sebanyak dua (2) kali setahun.</p> <p data-bbox="528 891 1251 1077">(f) meminta supaya semakan dibuat ke atas proses pengeluaran dan penyerahan kad pintar pelajar semasa sesi pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dengan mengambilkira pelaksanaan Sistem edaftar.</p>			

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>35.4.3 Persediaan Audit Pemantauan Semakan 2 oleh SIRIM Tahun 2017</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) Audit Pemantauan Semakan 2 oleh SIRIM akan dilaksanakan pada 6 September 2017 di UPM Kampus Bintulu dan bersambung pada 2 hingga 3 Oktober 2017 di Kampus Serdang. Seramai tiga (3) orang Juruaudit yang diketuai oleh Puan Sazlin Alias akan terlibat melaksanakan audit pada tahun ini. Perincian mengenai pelaporan persediaan audit ini adalah sepertimana Lampiran Agenda 5.3 yang telah dibentang.</p> <p>(b) meminta peneraju proses yang belum memberi maklum balas atau sedang dalam proses tindakan supaya mengemukakan bukti tindakan pelaksanaan OFI SIRIM 2016 kepada pihak CQA selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh audit SIRIM iaitu pada 18 September 2017.</p>	<p>Makluman</p> <p>TWP iDEC/TWP BKU/TWP PNC (CoSComm)</p>
<p>Minit 35.5</p>	<p>Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004</p> <p>35.5.1 Laporan Pencapaian Objektif Alam Sekitar bagi Tempoh Januari hingga Jun 2017</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan pencapaian Objektif Alam Sekitar (EMS) bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 adalah sepertimana Lampiran Agenda 6.1 yang telah dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja EMS pada 27 April 2017 telah membuat semakan Objektif EMS dan bersetuju menambahbaik objektif EMS berdasarkan ketentuan berikut:</p> <p>(i) Terpakai kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling sahaja; dan</p> <p>(ii) Penilaian impak (Kebarangkalian Berlaku Pencemaran, Darjah Kerosakan kepada Alam Sekitar dan Kepentingan Kepada Organisasi) adalah 'H' (tinggi/high).</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																
	<p>(c) mengambil perhatian terhadap perubahan objektif EMS daripada tujuh (7) objektif kepada empat (4) objektif berdasarkan penilaian aspek impak EMS terkini berkuatkuasa pada 24 Mac 2017 sepertimana berikut:</p> <table border="1" data-bbox="600 521 1267 1805"> <thead> <tr> <th data-bbox="600 521 943 589">Objektif Tahun 2013 - 2016</th> <th data-bbox="943 521 1267 589">Objektif Tahun 2017</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="600 589 943 678">1. Penjimatan penggunaan kertas;</td> <td data-bbox="943 589 1267 678">1. Penjimatan penggunaan kertas;</td> </tr> <tr> <td data-bbox="600 678 943 768">2. Penjimatan tenaga elektrik;</td> <td data-bbox="943 678 1267 768">2. Penjimatan tenaga elektrik;</td> </tr> <tr> <td data-bbox="600 768 943 925">3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel;</td> <td data-bbox="943 768 1267 925">3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel;</td> </tr> <tr> <td data-bbox="600 925 943 1081">4. Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik;</td> <td data-bbox="943 925 1267 1081">4. Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut</td> </tr> <tr> <td data-bbox="600 1081 943 1305">5. Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan;</td> <td data-bbox="943 1081 1267 1305">perundangan yang ditetapkan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="600 1305 943 1529">6. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; dan</td> <td data-bbox="943 1305 1267 1529"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="600 1529 943 1805">7. Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan</td> <td data-bbox="943 1529 1267 1805"></td> </tr> </tbody> </table>	Objektif Tahun 2013 - 2016	Objektif Tahun 2017	1. Penjimatan penggunaan kertas;	1. Penjimatan penggunaan kertas;	2. Penjimatan tenaga elektrik;	2. Penjimatan tenaga elektrik;	3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel;	3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel;	4. Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik;	4. Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut	5. Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan;	perundangan yang ditetapkan	6. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; dan		7. Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan		<p>Makluman</p>
Objektif Tahun 2013 - 2016	Objektif Tahun 2017																	
1. Penjimatan penggunaan kertas;	1. Penjimatan penggunaan kertas;																	
2. Penjimatan tenaga elektrik;	2. Penjimatan tenaga elektrik;																	
3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel;	3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel;																	
4. Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik;	4. Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut																	
5. Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan;	perundangan yang ditetapkan																	
6. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; dan																		
7. Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan																		

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>Perincian mengenai Objektif EMS yang akan dipantau dan diukur pada tahun 2017 adalah sepertimana di Lampiran B.</p> <p>(d) bersetuju meluluskan Objektif EMS baharu tahun 2017 yang akan berkuatkuasa pada 26 Julai 2017 dan akan mula diukur bagi tempoh Julai hingga Disember 2017.</p> <p>(e) meminta supaya semua PTJ mengambil perhatian dan kawalan terhadap aktiviti pembakaran secara terbuka yang dikesan ada dilakukan di sekitar kawasan UPM.</p> <p>35.5.2 Laporan Penemuan Audit Dalaman EMS Tahun 2017</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan penemuan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang telah diadakan pada 13 hingga 16 Jun 2017, yang diketuai oleh Encik Asrizam Esam adalah seperti pada Lampiran Agenda 6.2 yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil perhatian sebanyak 48 Laporan Ketakakuran (NCR) dan 40 Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) ditemui sepanjang proses audit dilaksanakan. Kesemua NCR/OFI ini perlu diambil tindakan penutupan oleh PTJ terlibat sebelum 31 Julai 2017 atau tarikh lain yang dipersetujui oleh Juruaudit Dalaman dan maklum balas tindakan perlu dilengkapkan melalui Sistem Pengurusan Audit Secara Atas Talian (PortalCQA).</p> <p>35.5.3 Persediaan Audit Pensijilan Semula EMS oleh SIRIM Tahun 2017</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan persediaan Audit Pensijilan Semula EMS oleh SIRIM yang akan dilaksanakan pada 9 hingga 10 Oktober 2017 di UPM sepertimana Lampiran Agenda 6.3 yang telah dibentang.</p>	<p>TWP EMS/ Peneraju EMS</p> <p>Semua TWP PP/ TWP PTJ</p> <p>Makluman</p> <p>TWP PP/TWP PTJ yang berkenaan</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 35.6	<p>Mesyuarat dimaklumkan sehingga 26 Julai 2017, pihak UPM belum menerima surat notifikasi audit daripada pihak SIRIM.</p> <p>(b) meminta peneraju proses EMS bagi OFI Audit SIRIM 2016 berkaitan OFI-3(a) dan OFI-3(b) supaya mengemukakan bukti tindakan pelaksanaan kepada pihak CQA selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh audit SIRIM iaitu pada 25 September 2017.</p>	TWP FP
	<p>Transformasi Pengurusan ISO</p>	
	<p>35.6.1 Sistem Pengurusan Audit Dalaman</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan pelaksanaan transformasi pengurusan audit dalaman tahun 2017 melalui Sistem Pengurusan Audit Dalaman (PortalCQA) yang dibangunkan hasil kerjasama pihak Pusat Jaminan Kualiti dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi adalah sepertimana Lampiran Agenda 7.1 yang telah dibentang.</p> <p>(b) Sistem ini mempunyai tiga (3) fasa pengurusan audit iaitu Pra Audit, Proses Audit dan Pasca Audit dengan beberapa modul dibawah setiap fasa. Sistem ini telah mula digunakan pertama kali semasa Audit Dalaman ISMS pada Jun 2017, diikuti dengan Audit Dalaman EMS dan seterusnya Audit Dalaman QMS.</p> <p>(c) meminta semua ahli mengambil perhatian dan tindakan menggunakan Sistem Pengurusan Audit Dalaman (PortalCQA) ke atas maklum balas tindakan penemuan audit dalaman PTJ yang direkodkan. Pihak PTJ juga disaran mengemukakan maklum balas bagi tujuan penambahbaikan sistem ini pada masa hadapan (sekiranya ada).</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Semua TWP PP/TWP PTJ</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>35.6.2 Sistem Laporan Pelan Fungsian dan Aras Secara Atas Talian (e-LPFA)</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) berkaitan Pembangunan Sistem Laporan Pelan Fungsian dan Aras Secara Atas Talian (e-LPFA) pada tahun 2017 adalah sepertimana Lampiran Agenda 7.2 yang telah dibentang.</p> <p>(b) sistem yang dibangunkan hasil kerjasama Pusat Jaminan Kualiti dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:</p> <p>(i) Memudahkan dan mempercepatkan proses perubahan/pindaan pelan fungsian dan aras peringkat PTJ serta penghantaran data pencapaian pelan fungsian dan aras; dan</p> <p>(ii) Memudahkan proses pelaporan dan penyediaan statistik pelaksanaan pelan fungsian dan aras di peringkat Universiti.</p> <p>(c) sistem ini dijadualkan akan diujilari (trial run) pada pertengahan September 2017 dan akan mula digunapakai untuk pelaporan pelan fungsian dan aras pada penghujung tahun 2017.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>Minit 35.7</p>	<p>Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti Awam (UA)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti Awam (UA) Kali ke-13 yang akan diadakan pada 1 hingga 3 Ogos 2017 di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) adalah sepertimana Lampiran Agenda 8.0 yang telah dibentang.</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 35.8	(b) mengambil maklum kumpulan THE GENES daripada Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul yang merupakan pemenang tempat pertama Anugerah KIK sempena Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan tahun 2016 telah dipilih mewakili UPM menyertai konvensyen KIK UA pada tahun in. Kumpulan ini akan membentangkan projek di bawah kategori Pengurusan bertajuk “Peratusan Bahan Kimia Luput Tarikh yang Tinggi di dalam Makmal” pada 3 Ogos 2017.	Makluman
	(c) meminta semua PTJ mengambil perhatian dan tindakan bagi menggalakkan pelaksanaan KIK di PTJ untuk memastikan penyertaan secara konsisten dari UPM ke Konvensyen KIK UA pada setiap tahun.	Semua TWP PP/ TWP PTJ
	Cadangan Pertandingan Inovatif/Kreatif Antara PTJ Sempena Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2017	
	(a) Mesyuarat mengambil maklum cadangan pertandingan Inovatif dan kreatif antara PTJ iaitu Dikir Barat dan Sketsa Inovasi Hari Kreatif dan Inovatif UPM 2017 beserta syarat penyertaan dan hadiah pertandingan adalah sepertimana Lampiran Agenda 9.0 yang dibentang.	Makluman
	(b) Mesyuarat mengambil maklum kedua-dua pertandingan ini akan dikendalikan oleh Encik Adidi Tamin yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Inovatif dan Kreatif sempena HKIP UPM 2017.	Makluman
	(c) Mesyuarat meminta supaya Timbalan Wakil Pengurusan membuat hebahan awal berkaitan pertandingan ini kepada staf di PTJ masing-masing sebelum pemakluman secara rasmi kepada semua PTJ dibuat bermula pada 1 September 2017.	Semua TWP PP/TWP PTJ

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 35.9	<p data-bbox="395 286 576 320">Hal-hal Lain</p> <p data-bbox="395 344 1251 456">35.9.1 Cadangan Pelantikan Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)</p> <p data-bbox="528 474 963 508">Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p data-bbox="528 533 1251 607">(a) cadangan pelantikan TWP SPK sepertimana Lampiran Agenda 10.1 yang dibentangkan.</p> <p data-bbox="528 667 1251 846">(b) meneliti dan bersetuju melantik Prof. Madya Dr. Noor Azman Ali, Timbalan Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti sebagai TWP SPK berasaskan kepada kepakaran dan pengalaman beliau berhubung pengurusan kualiti.</p> <p data-bbox="528 907 1251 981">(c) terma rujukan (TOR) bagi pelantikan TWP SPK adalah seperti berikut:</p> <p data-bbox="603 1021 1238 1055">(i) Mempengerusi Jawatankuasa Kerja SPK;</p> <p data-bbox="603 1095 1251 1169">(ii) Memantau pelaksanaan Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP);</p> <p data-bbox="603 1209 1251 1319">(iii) Menyelaras pelaksanaan dan pemantauan pengurusan risiko dalam proses kerja;</p> <p data-bbox="603 1359 1251 1431">(iv) memantau pencapaian objektif kualiti; dan</p> <p data-bbox="603 1471 1251 1545">(v) Menyelaras dan memantau kecukupan laporan SPK bagi MKSP.</p> <p data-bbox="395 1606 1251 1677">35.9.2 Pemilihan Sampel PTJ Semasa Audit SIRIM Tahun 2017</p> <p data-bbox="528 1695 1251 1951">(i) Mesyuarat mengambil maklum bahawa pemilihan sampel PTJ yang akan diaudit semasa audit badan pensijilan ditentukan oleh pihak SIRIM dan tidak berada dibawah bidang kuasa CQA. Justeru, mesyuarat meminta semua PTJ membuat persediaan bagi menghadapi audit berkenaan.</p>	<p data-bbox="1297 533 1458 566">Makluman</p> <p data-bbox="1345 667 1410 701">CQA</p> <p data-bbox="1297 907 1458 940">Makluman</p> <p data-bbox="1283 1695 1473 1767">Semua TWP PP/TWP PTJ</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p>Minit 35.10</p>	<p>(ii) Mesyuarat turut mengambil maklum Fakulti Perubatan Veterinar akan melaksanakan Audit Dalaman bagi persediaan Akreditasi Badan Pensijilan Antarabangsa (Australasian Veterinary Boards Council) pada 19 hingga 20 September 2017 iaitu dalam tempoh yang sama Audit SIRIM QMS dilaksanakan.</p> <p>Penangguhan Mesyuarat</p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.45 petang dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

SENARAI KEHADIRAN

Tarikh : 26 Julai 2017 (Rabu)
Masa : 2.30 Petang
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia

Kehadiran

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Prof . Dr. Amin bin Ismail	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat
2.	Encik Mohd. Faizal bin Daud	TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
3.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
4.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
5.	Encik Shahriman bin Hashim	TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
6.	Timbalan Wakil Pengurusan	TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
7.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
8.	Encik Amiruddin bin Abd Aziz	TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah
9.	Puan Hajah Izariahwati binti Mohd Isa	TWP (PP) Pejabat Bendahari
10.	Encik Ahmad Nizam bin Abdullah	TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
11.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
12.	Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin	TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
13.	Encik Roslan bin Parjo	TWP(PTJ) Pusat Kesihatan Universiti
14.	Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail	TWP (PP) Pusat Islam
15.	Encik Mohd Junaidi bin Hj Yasin	TWP (PP) Kolej Kediaman
16.	Encik Ludinata bin Misnun	TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar
17.	Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman	TWP (PP) Taman Pertanian Universiti
18.	Tuan Haji Abd. Razak bin Ahmad	TWP (PP) Penerbit
19.	Puan Zuraidah binti Ahmad	TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
20.	Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin	TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
21.	Encik Mustaffa bin Haji Dollah	TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
22.	Encik Mohd Fauzi bin Abdul Karim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan
23.	Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar	TWP (PTJ) Fakulti Sains
24.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
25.	Encik Nasrudin bin Yahya	TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia
26.	Encik Mohd Nazri bin Noh	TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
27.	Tuan Haji Ab. Malek bin Simon	TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina
28.	Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
29.	Puan Wan Azma binti Wan Mohd Zin	TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
30.	Tuan Haji Amran bin Zakaria	TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
31.	Encik Sudirman bin Asmadi (secara v.c.)	TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB
32.	Tuan Haji Mhd. Hussin bin Abdul Rahim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar
33.	Encik Mohd Nazri bin Mohd Nor	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
34.	Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik
35.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
36.	Encik Zamre bin Yaacob	TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial
37.	Puan Sarah Salwah binti Adnan	TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan
38.	Puan Saliza binti Mustafa	TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa
39.	Cik Nor Azizah binti Tamsi	Penyelaras Latihan Staf (PLS)
40.	Encik Muhazam bin Mansor	Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU)
41.	Encik Fahmi Azar bin Mistar	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)
42.	Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor	Pusat Jaminan Kualiti
43.	Puan Nurhanisah binti Sadun	Pusat Jaminan Kualiti
44.	Puan Shamriza binti Shari	Pegawai Kawalan Dokumen (PKD) Pusat Jaminan Kualiti

Turut Hadir

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Cik Nur Fazrina binti Ismail	Wakil TWP (PP) Pejabat Pendaftar
2.	Puan Siti Razimah binti Mohd Noor	Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
3.	Puan Morni Yati binti Ibrahim	Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
4.	Puan Ruzaina binti Ahmad Radzaly	Wakil TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
5.	Cik Maryam binti Othman	Wakil TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang
6.	Puan Askina binti Aziz	Wakil TWP (PP) Kolej Kediaman
7.	Puan Noraihan binti Noordin	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan
8.	Puan Nancy Liew Woan Charn	Wakil TWP (PTJ) Institut Biosains
9.	Puan Hirfarizan Mardianah binti Mohd Tahir	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
10.	Puan Mastura binti Abdul Rahim	Wakil Peneraju EMS, Pejabat Bursar
11.	Puan Norulniza binti Mahmud	Pejabat Bursar
12.	Puan Wan Suzaimas binti Wan Sulaiman	Pejabat Bursar

Tidak Hadir (dengan kenyataan)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Prof Madya Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh	TWP EMS/ Fakulti Kejuruteraan
2.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP) Pejabat Pendaftar
3.	Encik Muzaffar Shah bin Kassim	TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
4.	Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman	TWP (PP) Pusat Asasi Sains Pertanian
5.	Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
6.	Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan	TWP (PTJ) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
7.	Dr. Haji Latif bin Anwar	TWP (PP) Bahagian Keselamatan
8.	Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin	TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang
9.	Encik Din bin Ayub	TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju
10.	Puan Nor Baizura binti Zamri	TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan

BIL.	NAMA	JAWATAN
11.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
12.	Cik Salmee Suhana binti Hashim	TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
13.	Puan Rozi binti Tamin	Penyelaras Audit (PAD) Pusat Jaminan Kualiti
14.	Dr. Mohd Rafee bin Baharudin	Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
15.	Puan Rus Azizi binti Ismail	Peneraju EMS, Pejabat Bursar

**OBJEKTIF SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) MS ISO 14001
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TAHUN 2017**

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran
1.	Penjimatan penggunaan kertas	Pejabat Bursar	100% (Berdasarkan penggunaan tahun sebelumnya)	2%
2.	Penjimatan tenaga elektrik	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	100% (Berdasarkan bacaan meter tahun 2013)	6%
3.	Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	100% (Berdasarkan pemeriksaan kenderaan (bas) secara berkala oleh PUSPAKOM)	100%
4.	Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan: i. <i>Incenerator</i>	Fakulti Sains dan Pertanian Makanan (Bintulu)	100% (Patuh keperluan peraturan kualiti alam sekeliling udara bersih 2014)	100%
	ii. <i>Boiler</i>	Fakulti Sains Teknologi dan Makanan	100% (Patuh keperluan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014)	100%
	iii. Kebuk Wasap	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	100% (Patuh keperluan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014)	100%